



**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
**UNIT ADUAN, PERHUBUNGAN AWAM & KORPORAT**  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 Banting  
SELANGOR DARUL EHSAN  
No.Tel: 03-3180 3994 No.Fax : 03-3180 2854



CERTIFIED TO 180 9001:2008

CERT. NO. AR 2096



## KERATAN AKHBAR 20 SEPTEMBER 2017

### MDKL

BIL	TAJUK	AKHBAR	M/S	AGENSI
1	Pelbagai agensi siap sedia hadapi fenomena air pasang besar	Sinar Harian	42	MDKL



**KERATAN AKHBAR**  
**20 SEPTEMBER 2017**

Tajuk	:	Pelbagai agensi siap sedia hadapi fenomena air pasang besar
Akhbar	:	Sinar Harian
Muka Surat	:	42

**Pelbagai agensi siap sedia hadapi fenomena air pasang besar**

*Sinar Harian 20/9/2017 M/S. 42*

KELANANG - Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat mengenal pasti kawasan pantai yang berisiko di daerah Kuala Langat ketika fenomena air pasang besar termasuk Pantai Kelanang dan Persisiran Tanjung Sepat.

Pegawainya, Rosli Othman berkata, beberapa agensi keselamatan turut diarahkan untuk melakukan rondaan di sekitar pantai bagi memantau kawasan berisiko berkenaan dari semasa ke semasa.

"Semua agensi berkaitan terutama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) juga telah diarahkan bersama-sama membantu memantau keadaan dan operasi memindah dan menyelamat jika diperlukan

"Rondaan dan pemantauan kawasan tersebut akan dilaksanakan mulai esok (hari ini)," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, sebanyak 16 anggota Skuad Pantas MDKL ditugaskan untuk bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

"Kami bersedia menunggu arahan untuk membantu dari segi logistik seperti lori untuk pemindahan dan mendirikan khemah di pusat-pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* ke Pantai Kelanang petang semalam mendapati keadaan air laut berombak tinggi namun masih dalam keadaan terkawal.



Peniaga di salah satu premis di Pantai Kelanang Rahmat Mohd Atan, menunjukkan keadaan air laut yang mula pasang semalam.